



**SIARAN MEDIA**  
**JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**PERINGKAT KETIGA BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN (BPP) 2021**

---

Tarikh: 15 Disember 2021

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi sukacita memaklumkan bahawa Peringkat Ketiga Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2021 sedang dikendalikan sehingga 31 Disember 2021 melalui **kaedah-kaedah tambahan** seperti berikut:

**1.1 Pengisian secara atas talian**

Isirumah yang ingin mengisikan sendiri borangtanya banci secara borang digital (*digital form*) boleh memuat turun borangtanya melalui portal BPP [www.brucensus.gov.bn](http://www.brucensus.gov.bn) dan mengembalikannya melalui emel kepada support.brucensus@jpes.gov.bn.

**1.2 Menghantar dan mengambil semula borangtanya (*Drop Off and Pick Up - DOPU*)**

- (i) Pegawai Banci akan menghantar borangtanya BPP 2021 ke tempat kediaman dan akan mengambil semula setelah siap diisikan oleh isirumah pada tarikh yang ditetapkan;
- (ii) Isirumah juga boleh menghantar borangtanya yang lengkap diisikan ke dalam peti yang disediakan (*dropbox*) di ibu pejabat JPES, Bandar Seri Begawan (BSB) dan cawangan JPES di Daerah-Daerah.

**1.3 Temuduga Melalui Telefon**

Ketua isirumah yang belum diliputi akan dihubungi oleh Pegawai Banci bagi menetapkan perjanjian sebelum temuduga melalui telefon diadakan. Ketua isirumah boleh mengesahkan Pegawai Banci yang

menghubungi adalah mereka dilantik secara sah oleh JPES melalui Talian Darussalam dan hotline BPP 2021.

#### **1.4 Menemuduga secara bersemuka di ibu pejabat JPES**

Isirumah yang memilih untuk ditemuduga secara bersemuka hendaklah menghubungi pihak JPES terlebih dahulu bagi membuat tempahan slot temuduga tertakluk kepada *Standard Operating Procedure* yang berjalan pada masa ini bagi menangani penularan COVID-19.

2. Bagi ketua keluarga/isirumah yang **belum diliputi** dalam BPP 2021 adalah dinasihatkan untuk menghubungi JPES sebelum 31 Disember 2021 bagi memastikan maklumat Banci adalah menyeluruh dan komprehensif.
3. BPP 2021 dilaksanakan di bawah Akta Banci, Penggal 78 dari Undang-undang Negara Brunei Darussalam. Akta Banci mewajibkan orang ramai untuk menjawab semua soalan banci dan maklumat yang diberikan adalah dijamin kerahsiaannya.
4. Keengganan untuk bekerjasama atau tidak mahu memberikan maklumat yang dikehendaki adalah satu kesalahan. Jika sabit kesalahan, boleh didenda sebanyak BND2,500 dan dipenjara selama 6 bulan.
5. Bagi sebarang pertanyaan mengenai BPP 2021, orang ramai bolehlah menghubungi JPES melalui saluran berikut:

Hotline	:	8382021 / 8382022 (Brunei Muara) 8382023 (Belait) 8382024 (Tutong) 8382025 (Temburong)
Talian Darussalam	:	123
Telefon	:	2230250 (waktu pejabat)
E-mel	:	<a href="mailto:support.brucensus@jpes.gov.bn">support.brucensus@jpes.gov.bn</a>
Portal Banci	:	<a href="http://www.brucensus.gov.bn">www.brucensus.gov.bn</a>

Ibu Pejabat JPES :

- 2A, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan BA1311

Cawangan Daerah Belait:

- Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan, Jalan Carey, Kuala Belait KA1931

Cawangan Daerah Tutong:

- Blok 2, Aras 1, Unit A6, Kompleks Perindustrian Serambangun, Tutong TA2541

Cawangan Daerah Temburong:

- Bangunan Pejabat Daerah Temburong, Pekan Bangar, Temburong PA1351

Dalam hubungan ini, JPES sukacita memohon sokongan dan kerjasama orang ramai bagi menjayakan BPP 2021.

**"Pastikan Awda Dihitung Untuk Masa Depan Kitani"**



**PRESS RELEASE**  
**DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS**  
**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

**THIRD STAGE OF THE POPULATION AND HOUSING CENSUS 2021**

---

Date: 15 December 2021

1. The Department of Economic Planning and Statistics (JPES), Ministry of Finance and Economy is pleased to inform that the Third Stage of the Population and Housing Census (BPP) 2021 is being conducted until 31 December 2021 through the following **additional methods**:

**1.1 Online Completion Method**

Households who wish to fill in their own census questionnaire in digital form can download the questionnaire through the BPP portal [www.brucensus.gov.bn](http://www.brucensus.gov.bn) and return it via email to [support.brucensus@jpes.gov.bn](mailto:support.brucensus@jpes.gov.bn).

**1.2 Drop Off and Pick Up - DOPU**

- (i) The Census Officer will leave the BPP 2021 form at the living quarter of the households and will collect the questionnaire after it is completed by the household on an agreed date;
- (ii) Households may also send their completed forms into the dropbox provided at the JPES headquarters, Bandar Seri Begawan (BSB) and JPES branches in the Districts.

**1.3 Telephone Call Interview**

Households who have not been covered will be contacted by Census Officer to set an appointment before the telephone call interview is held. The head of households can verify the Census Officer are legitimately appointed by JPES through Talian Darussalam 123 and BPP 2021 hotlines.

#### **1.4 Face-to-face interviews at JPES headquarter**

Households who wish to be interviewed face-to-face are to contact JPES to book an interview slot subject to the Standard Operating Procedure that is currently in place to control the spread of COVID-19.

2. For heads of household/families **who have not been covered** in BPP 2021 is to contact JPES before 31 December 2021 to ensure the Census information is thorough and comprehensive.
3. BPP 2021 is conducted under the Census Act, Chapter 78 from the Laws of Brunei Darussalam. The Census Act makes it obligatory for the public to answer all the questions and guarantees the confidentiality of information furnished.
4. Failure to cooperate or provide the required information by the census is an offence. If found guilty, penalty of a fine of BND2,500.00 and six (6) months imprisonment may be imposed.
5. For any inquiries on BPP 2021, members of the public may contact JPES via:

Hotline : 8382021 / 8382022 (Brunei Muara)  
8382023 (Belait)  
8382024 (Tutong)  
8382025 (Temburong)

Talian Darussalam : 123  
Telephone : 2230250 (office hours)  
Email : support.brucensus@jpес.gov.bn  
Census Portal : [www.brucensus.gov.bn](http://www.brucensus.gov.bn)

JPES Head Office:

- 2A, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan BA1311

Belait District Branch:

- Government Offices' Building, Jalan Carey, Kuala Belait KA1931

Tutong District Branch:

- Block 2, 1st Floor, Unit A6, Serambangun Industrial Complex, Tutong TA2541

Temburong District Branch:

- Temburong District Office's Building, Pekan Bangar, Temburong PA1351

JPES would like to seek the full support and cooperation from the public for the success of BPP 2021.

**"Be Counted, For Our Future"**